| 1. | Siti Hawa Haji Salleh (1998) | Hikayat Raja Pasai, abad ke-14 dan ke-15<br>Sulalat Al-Salatin, antara tahun 1612 dan 1613<br>Naskhah Undang-undang Kedah:-<br>i- Undang-undang Pelabuhan<br>1035 Hijrah, bersamaan tahun 1625 Masihi<br>ii- Tembera Datuk Seri Paduka Tuan<br>1078 Hijrah bersamaan tahun 1667 Masihi<br>iii- Undang-undang 1199 Hijrah<br>1199 Hijrah bersamaan 1784 Masihi<br>Hikayat Merong Mahawangsa, 1880 Masihi |
| 2. | Kay Suhaimi (2017) | Hikayat Merong Mahawangsa,<br>sekitar tahun 1179 hingga 1202 masihi. |
| 3. | Wujud (2011) | Hikayat Merong Mahawangsa, pada abad ke-19 |

Pada umumnya, Husaini (2010) berpendapat definisi bagi Merong Mahawangsa ialah ‘Merong’ adalah Naga Laut, yakni yang menguasai perairan, ‘Maha’ ialah pembesar ataupun pemimpin dan manakala ‘wangsa’ membawa maksud harimau iaitu yang mempunyai kekuasaan daratan. Berdasarkan definisi tersebut, pengkaji mentafsirkan bahawa Merong Mahawangsa adalah pembesar atau pemimpin yang menguasai perairan dan juga di daratan. Definisi tersebut turut menjadi pengaruh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


kepada seni reka motif Melayu seperti seni reka motif ukiran pada kayu, keris, seni reka tekstil, seni reka logo, seni kostum Di-Raja dan sebagainya.

Namun begitu, menurut James Low melalui penterjemah Johan Ahmad (2018) telah mengesan etimologi nama Merong Mahawangsa. Menurut beliau, 'Merong' adalah berasal dari perkataan Siam yang sering digunapakai dalam karya astronomi atau astrologi. Perkataan tersebut didefinasikan sebagai lelaki yang boleh menukar bentuk dengan cara yang luar biasa. Menurut beliau lagi, seorang pendeta Buddha ada memberitahu bahawa gelaran 'Merong Mahawangsa' adalah gelaran yang diberikan kepada seorang ketua tentera dan juga signifikan untuk lelaki yang boleh mengubah penampilan secara luar biasa. Tambahan beliau, 'Maha' bermaksud ia perlu dipatuhi, angkuh, hebat, unggul dan sebagainya dalam Bahasa Sanskrit. Manakala 'Bangsa' dalam istilah Sanskrit bermaksud bangsa, keturunan dan kasta. Perkataan ini telah digunapakai oleh orang Melayu mengikut ortografi asalnya, akan tetapi orang Siam dan Achin mengubahnya kepada 'Wongsa' dan 'Wangsa'.

Langkasuka merupakan kerajaan awal yang ditubuhkan oleh Raja Merong Mahawangsa. Menurut sumber dari 'Kedah Zaman Silam', hasil penulisan Dato' James F.Augustine (1996), anggaran jangka hayat Raja Merong Mahawangsa adalah pada tahun 1218 hingga 1286 Masihi. Penempatan kerajaan naungan dibina oleh beliau pula bersambung di kedua-dua belah puncak tertinggi di negeri Kedah. Kerajaan ini juga digelar sebagai Negeri Melayu Purba kerana Langkasuka merupakan antara kerajaan tertua yang pernah bertapak di Tanah Melayu. Ini kerana, menurut Mohd Zamberi A. Malik (2011), kerajaan tersebut dipercayai ditubuhkan pada abad pertama masihi. Manakala kekuasaan pemerintahan kerajaan Langkasuka ini bertahta selama beratus-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


ratus tahun lamanya. Raja Merong Mahawangsa merupakan raja pertama dalam tampuk pemerintahan kerajaan Langkasuka.

Akan tetapi, dalam catatan ‘At-Tarikh Salasilah Negeri Kedah’ yang dikarang oleh Muhammad Hassan Bin Dato’Kerani Muhammad Arshad (2018) ada menyatakan bahawa Maharaja Derbar Raja merupakan raja pertama yang memerintah Kota Langkasuka. Perkara ini adalah bersandarkan kepada petikan berikut;

> “Ada pun kota itu ditambuk (tambak) dengan tanah serta ditanam buluh-buluh duri di atas kota itu dan diperbuat tiga pintu gerbang. Hatta tiada berapa lama siaplah sekaliannya, cukup dengan Balai Penghadapan dan banyak rumah yang dibangunkan kelilingnya. Maka segala ketuha-ketuha mereka itu berhimpun perbuat tempat kedudukan. Maka sampai hari yang baik Maharaja Derbar Raja pun bersemayamlah di dalam istana kota itu. Hatta berhimpunlah segala Tan Derma Dewa dan Tun Perkasa dan lain-lain ketuha di Balai Penghadapan, mengadap Maharaja Derbar Raja, lalu bertitah hendak taruh nama kota dan hendak beri pangkat-pangkat menteri. Maka muafakat yang tersebut dinamakan Kota Langkasuka…”

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah ptbupsi

Dalam Hikayat Merong Mahawangsa, dicatatkan bahawa Raja Merong Mahawangsa merupakan raja pemerintah kerajaan Langkasuka yang pertama. Manakala dalam catatan ‘At-Tarikh Salasilah Negeri Kedah’ pula menyebut Maharaja Derbar Raja sebagai raja pemerintah kerajaan Kota Langkasuka yang pertama. Walaupun catatan dari dua sumber sejarah ini terdapat perbezaan dari segi nama raja pemerintah Langkasuka, menurut Haji Ibrahim Ismail (2008) kedua-dua nama raja

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


pemerintah ini adalah orang yang sama. Ini kerana menurut beliau, dalam catatan 'At-Tarikh Salasilah Negeri Kedah' menyebut Maharaja Derbar Raja dating dari Negeri Gumrun di dalam Tanah Parsi. Manakala dalam catatan Hikayat Merong Mahawangsa pula ada menyatakan bahawa Merong Mahawangsa berasal dari Rom. Negeri Rom adalah wilayah empayar Parsi iaitu wilayah 'Rom Orient'.

Selain daripada itu, Haji Ibrahim Ismail turut menyatakan bahawa Maharaja Derbar Raja membuat istananya 'Kota Langkasuka' di Sok iaitu kira-kira enam puluh batu ke Timur Gunung Jerai. Manakala Merong Mahawangsa pula mendirikan istananya di Timur Gunung Jerai iaitu berhampiran dengan laut dan menamakan istananya dengan nama Kota Langkasuka juga. Oleh yang demikian, beliau berpendapat bahawa kedua-dua nama raja tersebut adalah orang yang sama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Johan Ahmad (2018), 'Langkasuka' dalam Bahasa Sanskrit bermaksud menggembirakan. Perkataan 'Lanka' dan 'Suka' adalah yang dipinjam Bahasa Melayu dari Bahasa Sanskrit bagi menggambarkan keriangan, kegembiraan dan sebagainya. Dalam catatan Hikayat Merong Mahawangsa yang diterjemahkan oleh Siti Hawa Haji Salleh (1998) ada juga menyatakan tentang suasana ketika pembinaan kota tersebut. Masyarakat ketika itu mengerjakannya dengan keadaan yang bersuka-sukaan serta dijamu dengan pelbagai haiwan buruan sebagai hidangan santapan. Setelah siap pembinaan balai kota tersebut, ia dinamakan dengan nama 'Langkasuka'.

Jumpaan beberapa artifak, prasasti dan objek seni di beberapa kawasan di Negeri Kedah seperti Lembah Bujang, Langgar di Alor Star dan Kota Kuala Muda telah menarik perhatian pengkaji untuk mengetahui kesinambungannya dengan sejarah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Merong Mahawangsa. Episod pelayaran Merong Mahawangsa yang sarat dengan misi dari Rom ke Asia adalah merupakan titik permulaan kepada beberapa perkembangan termasuklah ketamadunan manusia serta perkembangan seni reka motif di Asia Tenggara, khususnya negara yang asal usulnya dari lingkaran pemetaan Tanah Melayu seperti Malaysia. Penemuan Makara iaitu dipercayai sebagai hiasan pintu gerbang di zaman kerajaan Merong Mahawangsa di Sungai Mas, Kedah oleh pihak pengkaji arkeologi negara, menjadi pemangkin kepada pengkaji untuk mengetahui lebih lanjut dari mana asal usul pengaruh seni reka motif pada artifak tersebut. Jumpaan makam Sultan Al-Mudzaffar Shah 1136m – 1179m iaitu Sultan Kedah yang pertama memeluk Islam turut memperlihatkan ukiran bermotif pada batu nisan makam tersebut.

Pengkajian mengenai ‘Perkembangan Asimilasi Seni Reka Motif Merong Mahawangsa Dalam Kesenian Melayu’ ini adalah untuk melihat kesinambungan warisan kesenian dari peradaban era Langkasuka dalam kesenian Melayu. Rentetan daripada tujuan tersebut, objektif utama yang perlu dititipkan pengkajian ini adalah menyenaraikan objek-objek seni yang dicatat dalam Hikayat Merong Mahawangsa. Ini kerana, ia sebagai suatu pembuktian awal yang menyatakan tentang kewujudan objek-objek seni yang berhubungkait dengan kesenian Melayu dalam sejarah Merong Mahawangsa.

Manakala objektif yang kedua dalam pengkajian ini adalah mengenalpasti artifak, objek seni atau prasasti yang dipercayai wujud dalam era kerajaan Langkasuka. Pengecaman ini adalah berdasarkan kepada lokasi penemuan serta anggaran tahun kewujudan artifak, objek seni atau prasasti tersebut. Objektif ini dianggap penting kerana dari jumpaan-jumpaan tersebut menjadi sampel rujukan kepada pengkaji untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


mengidentifikasikan jenis-jenis seni reka motif yang dipercayai telah wujud sejak era Langkasuka, iaitu sebagai objektif kajian yang ketiga dalam pengkajian ini. Objektif terakhir dalam kajian 'Perkembangan Asimilasi Seni Reka Motif Merong Mahawangsa Dalam Kesenian Melayu' ini ialah menganalisa kesenian Melayu yang terasimilasi dengan motif-motif kesenian Merong Mahawangsa.

Kesenian melayu mempunyai dua aliran bidang iaitu seni rupa dan seni persembahan. Dalam pengkajian ini menitikberatkan tentang aliran seni rupa dalam kesenian Melayu. Seni rupa dalam Alam Melayu wujud bagi memenuhi keperluan dan kehendak masyarakat Melayu ketika itu. Kewujudan seni tersebut menjadi peralatan yang memudahkan urusan kehidupan masyarakat pada zaman tersebut. Pernyataan ini disokong oleh kenyataan dari Rahmah Bujang dan Nor Azlin Hamidon (2002);

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> "Seni rupa Melayu wujud untuk mengisi pelbagai tuntutan dan keperluan orang Melayu. Kewujudannya boleh sahaja diperkatakan sebagai mengisi keperluan manusia terhadap peralatan yang dapat membantu memudahkan urusan kehidupan seperti mana kewujudan kacip dan cimbal pada tepak sirih, tikar mengkuang sebagai pengalas punggung, kain batik sebagai pakaian penutup tubuh, kain kampuh sebagai kain buaian bayi, jebak burung sebagai alat penangkap burung, atau tempayan untuk mengisi air basuh kaki ditepi tangga rumah Melayu."

Ini membuktikan bahawa kewujudan seni dalam masyarakat Melayu pada awalnya adalah untuk memenuhi keperluan dalam memenuhi kehendak manusia untuk meneruskan kelangsungan hidup. Perkara ini sejajar dengan pandangan yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


diutarakan oleh Harozila Ramli, Tajul Shuhaizam, Mohd Zaihidee Arshad (2019) iaitu perhubungan manusia sejagat dengan persekitaran semulajadi membentuk tingkah laku dalam memenuhi tuntutan hidup dari segi fizikal, sosial dan budaya.

Dalam pengkajian 'Perkembangan Asimilasi Seni Reka Motif Merong Mahawangsa Dalam Kesenian Melayu' ini menyentuh tiga aspek kategori kesenian Melayu. Kesenian Melayu tersebut adalah terdiri daripada Seni Ukiran, Seni Seramik dan seni kostum DiRaja di Malaysia. Umumnya ketiga-tiga kategori kesenian ini adalah kesenian yang begitu sinonim dalam masyarakat Melayu khususnya. Pengkaji akan memaparkan contoh seni reka Motif Merong Mahawangsa yang terasimilasi bersama dengan tiga kategori kesenian tersebut dalam dapatan kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 1.3 Pernyataan Masalah

Umumnya masyarakat hari ini tidak mengenali seni reka motif yang dipengaruhi oleh motif yang wujud sejak zaman Merong Mahawangsa. Kurang pendedahan mengenainya menyebabkan masyarakat lebih gemar mengklasifikasikan seni reka tersebut bermotifkan flora, fauna ataupun geometri. Tidak dinafikan dengan cara tersebut, pereka seni senang mengolah sesuatu hasil seni. Namun begitu, disebalik setiap rekaan pasti ada unsur-unsur pengaruh dan asal kewujudannya. Sebagai contoh motif naga laut. Secara umumnya, masyarakat lebih mengenali motif tersebut adalah pengaruh daripada Buddha. Akan tetapi, di Tanah Melayu khususnya Malaysia, motif tersebut ada pada jumpaan artifak seperti Makara, yang dipercayai wujud dari zaman pemerintahan kerajaan Merong Mahawangsa. Akan tetapi, Raja Merong Mahawangsa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



bukanlah dari keturunan Buddha. Pernyataan ini berdasarkan kepada kenyataan dari Hikayat Merong Mahawangsa yang diperkenalkan oleh Siti Hawa Haji Salleh (1998);

> "Maka tempayan yang besar dari negeri Kelinggi itu pun dibawa oranglah naik daripada kapal Rom itu ke darat, disandarkan pada sepohon kayu yang bernama rukam yang besar seperti gelung aring rupa besarnya. Maka dipersembahkan oranglah tempayan itu kepada Raja Merong Mahawangsa. Maka ia pun diamlah hingga bersimpan siap segala perkakas dan kelengkapan dibawa turun ke kapal hendak berlayar. Maka sampailah pada hari yang baik, saat yang sejahtera, Maka Raja Merong Mahawangsa pun berlayarlah ke negeri Rom. Tatkala itu dipandang oleh Raja Merong Mahawangsa ke sebelah tanah daratan Pulau Lada itu pun sudah menjadi daratan. Akhirnya disebut orang Bukit Lada namanya dan Pulau Jambul itu pun boleh sempurna juga akhirnya, nama Bukit Jambul, selaku Pulau Seri itu sangatlah sudah hendak menjadi bertemu dengan daratan, akhirnya bernama Gunung Jerai kerana sebab tingginya. Maka dipandangnya pula ke sebelah utara barat laut seperti Tanjung Bara yang lakunya lagi ke tengah laut dengan Pulau Keriang itu pun rupanya tiada lama lagi hendak bersatu dengan tanah daratan juga, akhirnya bernama bukit tunjang dan sebiji itu Gunung Keriang namanya. Itulah umurnya peninggal Raja Merong Mahawangsa pulang ke negeri Rom itu. Maka ia pun berlayarlah menuju laut arungan yang besar."

Pernyataan tersebut menjelaskan bahawa setelah mendapat perkhabaran putera raja Rom selamat dikahwinkan dengan puteri Raja Benua China, maka Raja Merong Mahawangsa persiapkan diri untuk pulang semula ke tanah airnya sambil menurunkan tahta kepada anakandanya bagi mewarisi kerajaan yang telah dibina sekian lama berada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


di Langkasuka tersebut. Pernyataan ini menunjukkan bahawa Raja Merong Mahawangsa berasal dari Rom.

Selain dari memperbetulkan persepsi masyarakat tentang keaslian asal usul sesuatu seni reka motif, kajian ini turut memperlihatkan beberapa jenis seni reka motif yang telah lama wujud dalam Alam Melayu, terutama sekali melibatkan negeri yang terletak di utara Semenanjung Malaysia, yang dahulunya dibawah pemerintahan empayar kerajaan Langkasuka, iaitu kerajaan naungan Raja Merong Mahawangsa.

Sehubungan dengan itu, permasalahan kajian yang kedua ialah beberapa objek seni yang terdapat dalam Hikayat Merong Mahwangsa jarang diketengahkan dan belum pernah dikupas dengan lebih terperinci mengenainya. Contoh objek seni yang dinyatakan dalam Hikayat Merong Mahawangsa ialah tempayan, melalui petikan berikut;

> Maka titah raja Kelinggi, ″Baiklah, jika demikian, adalah sebiji tempayan yang besar daripada orang tua hamba. Itulah hamba berikan pada raja tuan hamba.” Lalu disuruh oleh raja Kelinggi ambil tempayan itu.

Di samping itu, kedatangan Merong Mahawangsa ke Tanah Melayu bukan sahaja turut menjadikan masyarakat tempatan hidup dengan pemerintahan kerajaan yang berwibawa, malah turut membentuk masyarakat hidup bertamadun dengan wujudnya perdagangan serta membawa perubahan dan perkembangan dalam aspek kebudayaan dan kesenian. Sehingga ke hari ini, perkara tersebut jelas dapat dilihat, diamalkan dan menjadi warisan turun temurun dikalangan masyarakat. Malahan pada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


koleksi-koleksi istana atau kerabat diRaja turut dihiasi motif-motif kesenian yang unik dan berestetika.

Pengkaji menjalankan kajian yang bertajuk ‘Perkembangan Asimilasi Seni Reka Motif Merong Mahawangsa Dalam Kesenian Melayu’ ini adalah untuk memberi suatu pengetahuan baharu kepada masyarakat umum tentang sebahagian seni reka motif dalam kesenian Melayu terutama sekali seni ukiran, seni seramik dan kostum Di-Raja Malaysia adalah pengaruh dari seni reka motif Merong Mahawangsa. Kajian disertasi ini adalah menyentuh tentang perkembangan asimilasi seni reka motif yang dipercayai telah wujud sejak zaman kerajaan Langkasuka, iaitu tampok pemerintahan Raja Merong Mahawangsa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 1.4 Tujuan Kajian

Kajian ‘Perkembangan Asimilasi Seni Reka Motif Merong Mahawangsa Dalam Kesenian Melayu’ ini dilaksanakan bertujuan untuk melihat penyatuan beberapa unsur seperti pengaruh budaya, pengaruh keagamaan dan pengaruh persekitaran yang terkait dalam proses asimilasi seni reka motif Merong Mahawangsa sehingga mempengaruhi seni reka motif ketiga-tiga kesenian Melayu iaitu seni ukiran, seni seramik dan seni kostum Di-Raja di Malaysia. Kajian ini juga menjadi sebahagian rujukan kepada pengkaji akan datang tentang seni reka motif di Malaysia, khususnya dalam kesenian Melayu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



## 1.5 Objektif Kajian

### 1.5.1 Menyenaraikan objek-objek seni yang terdapat dalam catatan Hikayat Merong Mahawangsa.

Objektif pertama kajian 'Perkembangan Asimilasi Seni Reka Motif Merong Mahawangsa Dalam Kesenian Melayu' ini diwujudkan ialah menyenaraikan beberapa objek seni yang terdapat dalam catatan Hikayat Merong Mahawangsa. Objektif ini adalah penting kerana untuk mengenalpasti kewujudan sesuatu jenis objek seni ketika zaman Merong Mahawangsa serta mengetahui fungsinya pada waktu tersebut.

Setiap objek seni yang tertulis dalam Hikayat Merong Mahawangsa tersebut akan disenaraikan mengikut jenis objek seni, fungsinya dan dinyatakan pada muka surat berapa dalam catatan hikayat tersebut. Setiap objek seni tersebut akan dinyatakan sekali dengan petikan daripada Hikayat Merong Mahawangsa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 1.5.2 Mengenalpasti artifak yang wujud dalam era kerajaan Langkasuka.

Setelah objektif pertama dikenalpasti, pengkaji menetapkan objektif kajian bagi pengkajian 'Perkembangan Asimilasi Seni Reka Motif Merong Mahawangsa Dalam Kesenian Melayu' ini ialah mengenalpasti artifak, objek seni ataupun prasasti yang dipercayai wujud dalam era kerajaan Langkasuka. Penelitian perkara ini dilihat melalui kajian lapangan ke tempat-tempat yang berkaitan dengan sejarah Merong Mahawangsa. Kemudian pengkaji mengambil kira tentang pentarikhan atau anggaran tahun kewujudan artifak, objek seni atau jumpaan prasasti tersebut serta kaitannya dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


tahun kewujudan era kerajaan Langkasuka. Selain daripada itu, proses identifikasi ini turut memaparkan siapa individu atau pengkaji terdahulu yang telah membuat kajian mengenainya, tahun terbitan, objek yang dijumpai, hasil kesenian yang ditemui, lokasi penemuan, tempat objek tersebut dipamerkan, fungsi artifak atau hasil seni tersebut dan sebagainya.

### 1.5.3 Mengidentifikasikan jenis-jenis seni reka motif yang dipercayai telah wujud sejak zaman Merong Mahawangsa.

Sehubungan dengan itu juga, pengkaji turut mengidentifikasikan jenis seni reka motif yang terdapat pada jumpaan artifak dan prasasti tersebut. Proses kenalpasti motif-motif tersebut dilaksanakan berdasarkan pemerhatian, rakaman visual dan juga analisis dokumen dari sumber sekunder. Tujuan identifikasi ini dilakukan adalah untuk memudahkan pengkaji mengklasifikasikan jenis seni reka motif yang dipercayai telah wujud sejak era kerajaan Langkasuka tersebut adalah sebagai seni reka motif Merong Mahawangsa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 1.5.4 Menganalisa kesenian Melayu yang dipengaruhi dengan seni reka motif Merong Mahawangsa.

Objektif yang terakhir dalam kajian mengenai ‘Perkembangan Asimilasi Seni Reka Motif Merong Mahawangsa Dalam Kesenian Melayu’ ini adalah, menganalisis kesenian Melayu yang terasimilasi dengan seni reka motif Merong Mahawangsa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Dalam pengkajian ini, kesenian Melayu yang menjadi pemerhatian pengkaji ialah seni ukiran Melayu, seni seramik dan juga seni kostum DiRaja Melayu khususnya di Malaysia. Ketiga-tiga aspek kesenian ini dipilih berdasarkan kepada beberapa sedutan petikan mengenai objek seni yang ada dinyatakan dalam Hikayat Merong Mahawangsa. Seni seramik dan seni kostum Di-Raja Di dalam penulisan hikayat tersebut ada ditulis tentang beberapa objek seni. Oleh yang demikian, pengkaji mengfokuskan tiga kategori kesenian Melayu tersebut dalam penyelidikan ini.

## 1.6 Persoalan Kajian

Apakah objek seni yang terdapat dalam catatan Hikayat Merong Mahawangsa?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Persoalan pertama dalam pengkajian ‘Perkembangan Asimilasi Seni Reka Motif Merong Mahawangsa Dalam Kesenian Melayu’ ialah mengenai jenis-jenis objek seni yang terkandung dalam catatan Hikayat Merong Mahawangsa. Jenis objek seni yang terdapat dalam hikayat tersebut tidak dikategorikan dengan jenis-jenis tertentu bentuk kesenian. Tetapi untuk menjawab persoalan kajian yang pertama ini, pengkaji menyatakan sedutan petikan yang menyebut tentang objek seni tersebut serta menerangkan tentang fungsinya. Kemudian pengkaji menyenaraikan ke semua objek seni tersebut dalam bentuk jadual.

Apakah artifak, objek seni atau prasasti yang dipercayai telah wujud sejak era kerajaan Langkasuka?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Persoalan tentang apakah artifak yang dipercayai telah wujud sejak zaman Merong Mahawangsa ini adalah menanyakan jenis-jenis artifak yang dijumpai sekitar tahun pemerintahan kerajaan Langkasuka. Pengkaji memaparkan beberapa jumpaan artifak, objek seni atau prasasti yang dipercayai wujud sekitar tahun pemerintahan tersebut yang mempunyai unsur-unsur kesenian.

Artifak-artifak tersebut dikemukakan dalam bab 4 kajian iaitu bahagian dapatan kajian 'Perkembangan Asimilasi Seni Reka Motif Merong Mahawangsa Dalam Kesenian Melayu'. Dalam bab tersebut, pengkaji memaparkan beberapa artifak yang dipercayai wujud pada era pemerintahan kerajaan Langkasuka berdasarkan kepada rekod jumpaan artifak tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pada jumpaan artifak tersebut, pengkaji juga turut menyatakan tarikh dapatan kajian, lokasi pameran, lokasi jumpaan, tahun kewujudan, material dan fungsi artifak tersebut sebagai data dalam hasil dapatan kajian ini. Koleksi artifak dan prasasti tersebut didapati dari sumber hasil kajian lapangan pengkaji dan juga daripada hasil kajian oleh pengkaji terdahulu

Bagaimanakah rupa seni reka motif Merong Mahawangsa?

Persoalan kedua dalam pengkajian ini adalah mengfokuskan kepada dapatan kajian tentang artifak, objek seni atau prasasti yang mempunyai motif-motif yang tertentu. Motif-motif tersebut akan dikenalpasti dan akan dikategorikan kepada beberapa jenis seni reka motif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Tujuan persoalan ini diwujudkan dalam pengkajian ini adalah untuk mengenalpasti bagaimana rupa seni reka motif Merong Mahawangsa dan berapa jenis seni reka motif tersebut.

Apakah kesenian Melayu yang terasimilasi dengan seni reka motif Merong Mahawangsa?

Persoalan yang terakhir dalam pengkajian disertasi ini adalah untuk mengenalpasti kesenian Melayu di Malaysia ini yang mempunyai pengaruh dari kesenian Langkasuka. Kesenian Melayu yang diberi penekanan dalam disertasi ini adalah seni ukiran, seni tembikar/seramik dan kesenian pada kostum DiRaja yang terdapat di Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perbandingan umum dilakukan bagi memperlihatkan persamaan mahupun perbezaan antara kesenian Melayu di Malaysia dengan kesenian Langkasuka, terutama sekali pada seni reka motif. Ia memperlihatkan tiga kategori kesenian Melayu tersebut yang mengalami proses terasimilasi dengan seni reka motif Merong Mahawangsa Data kajian mengenai perkara ini dimuatkan dalam bab dapatan kajian iaitu bab 4 dalam disertasi ini.

## 1.7 Kerangka Teori Dan Konsep Kajian

Kajian ‘Perkembangan Asimilasi Seni Reka Motif Merong Mahawangsa Dalam Kesenian Melayu’ ini telah menggunakan teori definisi asimilasi. Asimilasi adalah penyatuan dua unsur, iaitu antara unsur bersifat majoriti dengan unsur bersifat minoriti

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



sehingga menjadi unsur yang baharu. Teori ini berdasarkan kepada definisi teori asimilasi merujuk dari Kamus Bahasa Melayu (2008-2015) iaitu bermaksud pemaduan bermacam-macam jenis atau berbagai-bagai unsur menjadi satu.




*Rajah 1.1.* Teori Asimilasi. Diadaptasi dari definisi asimilasi dalam Kamus Bahasa Melayu, 2008-2015.

Berdasarkan kepada Teori Asimilasi tersebut, pengkaji telah merangka suatu konsep kajian yang dilabelkan sebagai Konsep Perkembangan Asimilasi Seni Reka Motif Merong Mahawangsa Dalam Kesenian Melayu. Dalam konsep kajian ini, unsur yang dilabel sebagai A iaitu unsur majoriti adalah terdiri daripada tiga jenis kesenian Melayu, iaitu seni ukiran, seni seramik dan seni kostum Di-Raja di Malaysia. Manakala unsur B pula, iaitu unsur bersifat minoriti ini terdiri daripada motif-motif Merong Mahawangsa. Pencantuman antara dua unsur tersebut mewujudkan suatu unsur yang baharu, iaitu dilabelkan sebagai unsur AB. Unsur tersebut adalah keunikan kesenian Melayu, hasil dari asimilasi antara kesenian Melayu dengan motif-motif Merong Mahawangsa. Keterangan terperinci mengenai teori dan konsep kajian ini diperjelaskan lagi dalam Bab 3 Metodologi Kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi





*Rajah 1.2.* Konsep Perkembangan Asimilasi Seni Reka Motif Merong Mahawangsa Dalam Kesenian Melayu.

## 1.8 Batasan Kajian

### 1.8.1 Sejarah Merong Mahawangsa secara umum sebagai pengenalan kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian mengenai 'Perkembangan Asimilasi Seni Reka Motif Merong Mahawangsa Dalam Kesenian Melayu' ini ada menyatakan sejarah Merong Mahawangsa secara umum sebagai pengenalan kajian.

Pengenalan mengenai sejarah Merong Mahawangsa secara umum adalah penting untuk menceritakan serba sedikit latar belakang tentang kedatangan Merong Mahawangsa ke Tanah Melayu. Penceritaan kedatangan beliau dipetik secara umum agar masyarakat dapat mengenali peristiwa bagaimana kedatangan Raja Merong Mahawangsa tiba ke Tanah Melayu dan bagaimana tertubuhnya kerajaan Langkasuka di Tanah Melayu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Pembentukan kerajaan Langkasuka di bawah naungan pemerintahan Raja Merong Mahawangsa menjadikan ketamadunan masyarakat ketika itu berkembang pesat sehingga lahirnya kebudayaan dan kesenian dalam kehidupan seharian mereka. Aktiviti kemasyarakatan dan perdagangan yang dijalankan dalam masyarakat Langkasuka turut menjadi faktor perkembangan kebudayaan dan kesenian di kalangan mereka.

Oleh yang demikian, pengkaji merasakan wajar menetapkan penceritaan serba sedikit tentang sejarah kedatangan Merong Mahawangsa dan latar belakang pembentukan kerajaan Langkasuka di Tanah Melayu sebagai pengenalan dalam skop batasan kajian ini, iaitu yang bertajuk 'Perkembangan Asimilasi Seni Reka Motif Merong Mahawangsa Dalam Kesenian Melayu'.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 1.8.2 Objek seni yang terkandung dalam catatan Hikayat Merong Mahawangsa.

Penyenaraian tentang objek seni yang terdapat dalam Hikayat Merong Mahawangsa adalah penting dalam kajian 'Perkembangan Asimilasi Seni Reka Motif Merong Mahawangsa Dalam Kesenian Melayu.' Senarai tersebut akan dicatat dengan 3 perkara iaitu jenis objek seni, fungsinya yang dinyatakan dalam hikayat tersebut dan juga ia tercatat pada muka surat berapa dalam Hikayat Merong Mahawangsa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



**1.8.3 Kenalpasti beberapa objek seni, artifak dan prasasti yang dipercayai peninggalan dari zaman Langkasuka.**

Setelah pengkaji menceritakan serba sedikit sejarah Merong Mahawangsa dalam pengenalan kajian, pengkaji turut memetik beberapa petikan yang terdapat dalam Hikayat Merong Mahawangsa yang ada menyentuh tentang item-item kesenian Melayu. Contoh item kesenian Melayu ialah tembikar dan keris.

Sehubungan dengan itu, pengkaji turut memaparkan beberapa koleksi artifak yang dipercayai telah wujud pada zaman kerajaan Langkasuka. Artifak tersebut seperti serpihan bangunan, tembikar, batu nisan makam diRaja dan sebagainya.

Selain daripada itu, pengkaji turut mengutarakan beberapa hasil kesenian masyarakat Langkasuka yang terdapat di beberapa kawasan, yang suatu ketika dahulu terangkum dalam empayar kerajaan Langkasuka. Bahan tersebut diperolehi daripada kajian lapangan melalui kaedah pemerhatian dan rakaman visual.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

**1.8.4 Analisis seni reka motif yang terdapat pada artifak tersebut.**

Proses analisis ini dijalankan bagi mengenalpasti seni reka motif yang terdapat pada artifak yang dipercayai telah wujud pada zaman kerajaan Langkasuka. Skop dan batasan kajian ini adalah bagi merealisasikan objektif kajian (1.4.2) iaitu mengidentifikasikan seni reka motif Merong Mahawangsa. Kaedah kajian yang digunapakai dalam skop dan batasan kajian ini ialah permerhatian di kajian lapangan dan analisa sumber dokumentasi pengkajian terdahulu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 1.8.5 Memaparkan beberapa contoh hasil kesenian Melayu di Malaysia yang telah diasimilasi dari pengaruh seni reka motif Merong Mahawangsa.

Pada skop dan batasan kajian 1.8.5 ini, pengkaji memaparkan beberapa contoh hasil kesenian Melayu, iaitu terdiri daripada seni ukiran, seni tembikar/seramik dan juga kesenian kostum DiRaja, khususnya yang terdapat di Malaysia yang mempunyai kesinambungan dengan seni reka motif Merong Mahawangsa. Dapatan kajian diperolehi daripada kaedah pemerhatian, rakaman visual serta dokumen dari sumber sekunder. Skop dan batasan kajian ini juga adalah untuk mencapai objektif kajian ‘Perkembangan Asimilasi Seni Reka Motif Merong Mahawangsa Dalam Kesenian Melayu’ iaitu objektif menganalisa kesenian Melayu yang dipengaruhi dengan seni reka motif Merong Mahawangsa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 1.9 Kepentingan Kajian

Kajian yang bertajuk ‘Perkembangan Asimilasi Seni Reka Motif Merong Mahawangsa Dalam Kesenian Melayu’ ini adalah merupakan dokumentasi tentang perkembangan seni reka motif yang dipercayai wujud sejak kerajaan pemerintahan Merong Mahawangsa. Kemudian seni reka motif tersebut menjadi pengaruh kepada seni reka kesenian Melayu pada hari ini. Pengkajian ini mengutarakan kesinambungan antara seni reka motif yang dipercayai wujud sejak dalam era empayar Langkasuka dengan seni reka motif kesenian Melayu pada masa kini.

Secara umumnya, dalam kesenian Melayu mempunyai pelbagai jenis seni reka motif. Antaranya ialah motif pucuk rebung, itik pulang petang dan sebagainya. Di

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


samping itu, terdapat juga motif seakan rupa naga laut. Masyarakat kini begitu sinonim dengan persepsi seni reka motif naga mempunyai hubungkait dengan budaya bangsa Cina. Akan tetapi, terdapat juga kesenian Melayu tradisi yang mempamerkan seni reka motif seakan rupa naga.

Selain dari itu, motif bunga lotus iaitu salah satu jenis bunga teratai juga merupakan sebahagian seni reka motif dalam kesenian Melayu tradisional. Ia dapat dibuktikan melalui penemuan pada nisan makam Di-Raja dan sultan Melayu pada zaman dahulu kala sering dihiasi dengan motif tersebut. Namun begitu, terdapat juga pelbagai motif tradisional lain yang dipercayai telah lama wujud menjadi warisan daripada kerajaan Merong Mahawangsa. Contohnya seperti motif Hanuman. Motif tersebut turut menjadi warisan dalam kesenian Melayu. Seni reka motif 'Hanuman' menjadi motif hiasan utama dalam kesenian wayang kulit dan juga ukiran pada keris Melayu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian bertajuk 'Perkembangan Asimilasi Seni Reka Motif Merong Mahawangsa Dalam Kesenian Melayu' ini adalah suatu usaha memdokumentasikan beberapa seni reka motif warisan yang dipercayai pengaruh dari kesenian masyarakat Langkasuka, iaitu warisan dari zaman tahta Raja Merong Mahawangsa. Sehubungan dengan itu, motif-motif tersebut telah melalui proses asimilasi dan kemudian menjadi sebahagian rekaan motif unik yang terdapat pada kesenian Melayu. Disamping itu juga, kajian ini turut mempamerkan beberapa motif yang terdapat pada artifak, objek seni atau prasasti yang dipercayai warisan dari kerajaan Merong Mahawangsa, sejurus itu menangkal persepsi masyarakat umum tentang motif-motif tersebut menjadi ikon

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


kepada sesebuah bangsa lain. Kekayaan kesenian Melayu harus dimartabatkan agar menjadi warisan kesenian yang kekal terpelihara.

**Rumusan Bab**

Secara keseluruhan Bab 1 ini ialah kajian tentang ‘Perkembangan Asimilasi Seni Reka Motif Merong Mahawangsa Dalam Kesenian Melayu’ adalah kajian berbentuk kualitatif. Kajian ini dengan mengfokuskan tiga jenis kesenian Melayu iaitu seni ukiran, seni seramik dan seni kostum Di-Raja di Malaysia. Selain daripada itu, kajian ini turut menceritakan secara ringkas sejarah Merong Mahawangsa serta penubuhan kerajaan Langkasuka di Tanah Melayu. Kupasan secara umum tentang sejarah ini adalah bertujuan bagi mengenalpasti jumpaan artifak dan objek seni yang berkaitan dengannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di samping itu, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti jenis-jenis seni reka motif Merong Mahawangsa dengan merujuk kepada keunikan kesenian Melayu yang telah mengalami proses asimilasi dengan seni reka motif Merong Mahawangsa. Kajian ini mengandungi empat objektif. Objektif pertama ialah, menyenaraikan objek-objek seni yang terdapat dalam catatan Hikayat Merong Mahawangsa. Objektif kedua kajian ialah, mengenalpasti artifak yang wujud dalam era kerajaan Langkasuka. Seterusnya objektif ketiga kajian ialah, mengidentifikasikan jenis-jenis seni reka motif yang dipercayai telah wujud sejak zaman Merong Mahawangsa. Dan akhir sekali ialah menganalisa kesenian Melayu yang dipengaruhi dengan seni reka motif Merong Mahawangsa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Dalam kajian ini, pengkaji telah menetapkan empat persoalan kajian bagi mencapai objektif kajian tersebut. Persoalan pertama ialah, apakah objek seni yang tersenarai dalam Hikayat Merong Mahawangsa. Persoalan yang kedua ialah, apakah artifak yang dipercayai telah wujud sejak era kerajaan Langkasuka. Manakala persoalan kajian yang ketiga ialah, bagaimana rupa seni reka motif yang dipercayai telah wujud sejak zaman Merong Mahawangsa. Akhir sekali persoalan kajian ialah, apakah kesenian Melayu yang terasimilasi dengan ciri-ciri seni reka motif Merong Mahawangsa. Kajian ini telah mengaplikasikan teori dari definisi asimilasi sebagai konsep kajian. Batasan kajian ini adalah merangkumi tiga jenis kesenian Melayu sahaja iaitu, seni ukiran, seni seramik dan seni kostum Di-Raja di Malaysia.

Akhir rumusan pengenalan kajian ini adalah menyentuh perihal kepentingan kajian ‘Perkembangan Asimilasi Seni Reka Motif Merong Mahawangsa Dalam Kesenian Melayu. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk memberi suatu pengetahuan baharu kepada masyarakat umum akan sebahagian seni reka motif Melayu adalah dipengaruhi oleh seni reka motif Merong Mahawangsa. Kajian ini merupakan suatu usaha mendokumentasikan beberapa seni reka motif warisan Merong Mahawangsa yang telah menjadi sebahagian rekaan motif dalam kesenian Melayu. Ia bakal menjadi salah satu bahan rujukan kepada pengkaji akan datang tentang seni reka motif dalam kesenian Melayu, khususnya di Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi